

## Jangan sekadar retorik

**KUALA LANGAT** - Tindakan SPRM meminta penjawat awam rasuah menyerah diri sebelum terlambat patut dipuji, tetapi jangan hanya sekadar retorik.

Ketua Pemuda Pas Kuala Langat, Hairul Nizam Tohar berkata, beliau melihat isu itu perkara biasa bagi mana-mana penjawat awam bila dinaikkan pangkat.

Menurutnya, walaupun begitu, beliau positif dengan idea dan usaha yang hendak dilaksanakan tersebut.

"Kita sebagai rakyat di bawah sentiasa melihat ucapan berkobar-kobar dari ketua persuruhjaya SPRM setiap kali ada lantikan baru. "Namun, hasil yang kita lihat biasanya 'ikan bilis' sahaja kena, 'ikan jerung' tetap terlepas bebas," katanya.

Katanya, jika dilihat, ramai khususnya pimpinan negara yang terang-terang hidup mewah dan tidak selari dengan pendapatan mereka.

"Rakyat melihat semua ini. kalau ia (penjawat awam serah diri) berjaya dilaksana SPRM, maka saya dan rakyat akan beri kredit kepada mereka.

"Jika tidak ia hanya mengulang retorik sejak dari zaman BPR (Badan Pencegah Rasuah) sehingga ke SPRM hari ini," katanya.



**HAIRUL NIZAM**